

# buletin *Selayangku Sayang*

DITERBITKAN OLEH  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG  
NASKHAH PERCUMA

EDISI  
JAN - APRIL 2023  
01/23



**SELAMAT BERTUGAS TUAN TYDP**

**PELANTIKAN TYDP MPS**

**MENARIK  
DI DALAM...**



03

Selamat Menjalankan Tugas  
TYDP



10

Anugerah Perkhidmatan  
Cemerlang MPS 2022



12

Picnic@Lagong  
MPS 2023

# DARI MEJA YDP

## SIDANG REDAKSI

**PENASIHAT**  
YBRs. Tuan Mohd Yazid bin Sairi  
ydp@mps.gov.my

YBRs. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi  
tydp@mps.gov.my

**KETUA PENGARANG**  
En. Mohamad Zin bin Masoad  
mzin.masoad@mps.gov.my

**PENOLONG KETUA PENGARANG**  
En. Ahmad Fauzi bin Ishak  
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

**PENGARANG**  
Cik Nurul Awani binti Muridan  
nurulawani@mps.gov.my  
Pn. Norhatikah Nabila binti Masri  
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my  
Pn. Norhasliza binti Hassan  
norhasliza.hassan@mps.gov.my

**PEREKA LETAK**  
En. Mohd Afzairis bin Naseri  
mafzairis.naseri@mps.gov.my  
Cik Nurshahira Najihah binti Abd Rashid  
nurshahira\_najihah @mps.gov.my

**JURUFOTO**  
Pn. Anissapinah binti Mohd Dan  
anissapinah.mohddan@mps.gov.my  
En. Mohamad Khairun bin Roslan  
mkhairun.roslan@mps.gov.my

**DITERBITKAN OLEH**  
Jabatan Korporat  
Majlis Perbandaran Selayang

**TERBITAN**  
3 kali setahun

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

**Jabatan Korporat**  
Majlis Perbandaran Selayang  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 No. Faks: 03 6138 2728  
E-mel: aduanmps@mps.gov.my  
Talian Bebas Tol: 1800-222-677

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Selamat bertemu kembali kepada semua pembaca Buletin Selayangku Sayang Bil.1/2023 yang merangkumi semua aktiviti dan program MPS sepanjang bulan Januari hingga April 2023.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua maka dapat kita bersua kembali di dalam edisi awal tahun 2023 ini.

Demi mewujudkan sebuah perbandaran yang selamat dan berdaya huni, pelbagai usaha perlu dilakukan. Justeru dalam mendepani tahun 2023 yang penuh cabaran, MPS menyusun strategi dengan langkah yang lebih proaktif demi pencapaian terbaik.

Jika dilihat kepada moto MPS tahun 2023 ini sendiri iaitu *Sejahtera, Makmur, Bersama*, ia jelas menunjukkan hanya dengan komitmen yang tinggi akan dapat melunaskan amanah untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Selayang.

Oleh itu, sokongan dan kerjasama yang jitu dari segenap lapisan warga MPS amat diperlukan demi memastikan MPS dapat mencapai visi dan misi yang telah digariskan iaitu untuk menjadi sebuah perbandaran yang selesa untuk dihuni.

Akhir bicara dengan berbekalkan semangat dan azam tahun baharu 2023, saya menyeru seluruh warga MPS untuk mempertingkatkan usaha, disiplin, keazaman, inovasi, kreativiti dan integriti agar kita dapat memastikan mutu perkhidmatan MPS akan terus dipertingkat ke aras yang lebih cemerlang.



  
(DATO' MOHD YAZID B. SAIRI D.S.I.S)

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

## SELAMAT MENJALANKAN TUGAS TUAN TYDP

**MANTAN** Ketua Unit Parlimen dan Kawalan Pemantauan Kementerian Kewangan Malaysia, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi telah menerima lantikan sebagai Timbalan Yang Dipertua (TYDP) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) yang baharu berkuat kuasa 1 Mac 2023 bagi menggantikan Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman yang telah dilantik sebagai Timbalan Datuk Bandar Shah Alam yang baharu pada 9 Januari 2023 yang lalu.

Tuan Adi Faizal telah menyempurnakan lafaz akuan terima jawatan di hadapan YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS dengan disaksikan oleh ketua-ketua WHIP, Ahli Majlis dan pengarah jabatan MPS pada 2 Mac 2023 bertempat di Pejabat Yang Dipertua, Menara MPS.

Seluruh warga MPS mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada Tuan Adi Faizal. Semoga dengan pengalaman yang dimiliki, beliau dapat membantu menerajui MPS menjadi sebuah PBT yang cemerlang di Negeri Selangor.



## TAHNAIH TUAN IR. HAJI CHEREMI DI ATAS PELANTIKAN SEBAGAI TIMBALAN DATUK BANDAR SHAH ALAM

**SETINGGI-TINGGI** tahniah diucapkan kepada Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman di atas pelantikan sebagai Timbalan Datuk Bandar Shah Alam yang baharu. Beliau telah mengangkat sumpah terima jawatan pada 10 Januari 2023. Selamat menjalankan tugas dan semoga amanah yang dikurniakan ini dapat digalas dengan sebaiknya.



## BIODATA TYDP

### Nama :

Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi

### Kelulusan Akademik:

- Diploma Analisa Pelaburan, Universiti Teknologi Mara
- Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) Pemasaran, Universiti Teknologi Mara
- Diploma Pengurusan Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Asia e University

### Kerjaya:

#### 2006 – 2012

Penolong Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah  
dan Tanah Petaling



#### 2012 – 2014

Ketua Penolong  
Pengarah,  
Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan  
(KPKT)

#### 2014 – 2016

Ketua Penolong  
Pengarah,  
Lembaga  
Perumahan dan  
Hartanah Selangor

#### 2016 – 2019

Timbalan Yang  
Dipertua,  
Majlis Perbandaran  
Klang

#### 2019 – 2020

Pengarah Eksekutif,  
Majlis Sukan Negeri  
Selangor

#### 2020 – 2023

Ketua Unit Parlimen dan  
Kawalan Pemantauan,  
Kementerian Kewangan  
Malaysia

#### 2023 - Kini

Timbalan Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran  
Selayang

## MAJLIS LAFAZ AKUAN TERIMA JAWATAN AHLI MAJLIS MPS TAHUN 2023



**MAJLIS** Lafaz Akuan Terima Jawatan Ahli Majlis MPS Tahun 2023 telah diadakan pada 3 Januari 2023 bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Seramai 22 Ahli Majlis telah dilantik bagi memikul amanah sebagai Ahli Majlis MPS untuk tahun 2023. Lantikan kali ini menyaksikan 20 Ahli Majlis sesi sebelum ini dilantik semula dan 2 Ahli Majlis merupakan lantikan baharu.

Semoga Ahli-ahli Majlis dapat menjadi jabatan penghubung antara MPS dengan rakyat dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada seluruh pentadbiran Selayang.

## MAJLIS LAMBAIAN KASIH TYDP MPS

**MAJLIS** Lambaian Kasih Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS telah diadakan pada 9 Januari 2023 bertempat di Lobi Menara MPS. MPS mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau yang ditukarkan ke Majlis Bandaraya Shah Alam sebagai Timbalan Datuk Bandar. MPS turut mengucapkan selamat maju jaya dan semoga terus sukses di tempat baharu.

Turut sama meraikan ialah Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS dan Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan.



## MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT

MPS telah membuka tirai 2023 dengan mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat pada 5 Januari 2023 bertempat di Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves.

Majlis telah disertai oleh pihak pengurusan MPS bersama-sama para Penyelaras DUN, Ahli-ahli Majlis, wakil komuniti, wakil-

wakil jabatan dan agensi Gombak serta para kariah masjid. Turut hadir sama ialah mantan YDP MPS iaitu Dato' Haji Bakarudin bin Othman.

Acara telah dimulakan dengan Solat Maghrib dan diteruskan dengan bacaan Yasin dan doa selamat yang dipimpin oleh

Tuan Abd Rahman bin Zainal Abidin, Imam Masjid Jamek Al-Amaniah. Selepas bacaan Yasin dan doa selamat telah diadakan penyampaian sumbangan oleh MPS kepada pihak Masjid Jamek Al-Amaniah dan Pusat Tahfiz Ad-Diniyyah. Majlis diakhiri dengan solat Isyak dan jamuan makan.



## MAJLIS PERHIMPUNAN AMANAT TAHUN BAHARU 2023 DAN PELANCARAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM

Majlis Perhimpunan Bulanan dan Amanat Tahun Baharu 2023 telah berlangsung pada 31 Januari 2023 di Lobi Menara MPS.

Dalam amanatnya, YBhg. Dato' Mohd Yazid Sairi, YDP MPS mengharapkan kebersamaan semua warga MPS untuk memberikan komitmen dan sokongan dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan agar aspirasi membawa MPS ke tahap yang lebih tinggi dan membanggakan dapat dicapai.

Turut diadakan pelancaran Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Turut disampaikan dua anugerah yang diperoleh

MPS pada MIP Planning Excellent Award 2022.

MPS turut melakar kejayaan dengan penyampaian hadiah bagi Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) 2022 yang menyaksikan pasukan Golf MPS telah dinobatkan sebagai juara berpasukan di mana Encik Hafizan bin Khamis sebagai johan individu dan Encik Hafiz bin Jaafar sebagai naib johan individu.

Di akhir majlis telah diadakan sesi pengenalan 22 orang Ahli-ahli Majlis MPS 2023 dan serahan 300 buah pokok cili untuk kakitangan MPS.

## AMANAT TAHUN BAHARU YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR



**WARGA** MPS telah mengikuti Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor yang diadakan secara dalam talian pada 11 Januari 2023. Segala amanat yang dikongsikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor akan diambil sebagai pembakar semangat oleh warga MPS dalam memulakan tahun 2023 dengan cemerlang.



## LAWATAN PANEL PENILAI ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) **MPS TERIMA PENGTIRAFAAN 5 BINTANG**

**MPS** telah menerima lawatan Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 13 Februari 2023 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS.

Seramai 12 orang panel penilai telah membuat penilaian yang merangkumi tiga komponen utama iaitu pengurusan, pematuhan dan kualiti serta perkhidmatan teras. APPC ini dilaksanakan bagi mengukur kecemerlangan perkhidmatan organisasi dan memperkasa peranan serta akauntabiliti dalam organisasi sepanjang tahun 2022.



### **PEMBUKAAN KOMBINASI AUDIT ISO 9001:2015 DAN ISO/IEC 27001 ISMS**

**MESYUARAT** Pembukaan Kombinasi Audit ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001 ISMS Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada 14 Februari 2023 bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS yang telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Pemangku TYDP MPS.

Sesi pengauditan telah berlangsung mulai 14 hingga 21 Februari 2023 ini merupakan persediaan bagi menghadapi audit pensijilan semula SIRIM ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001 ISMS Majlis Perbandaran Selayang serta memastikan prosedur kerja dipatuhi dan mengikut piawaian yang ditetapkan.



### **MPS KEKALKAN PENSIJILAN MS ISO 9001:2015 DAN ISO/IEC 27001:2013 ISMS**



**PASUKAN** Audit daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah hadir bagi Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 ISMS pada 15 hingga 17 Mac 2023.

Seramai lima auditor SIRIM telah hadir membuat pengauditan tersebut dan Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS telah mempengerusikan Mesyuarat Penutup Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 ISMS di mana MPS telah diluluskan untuk penyambungan semula.

Pada pensijilan kali ini terdapat enam laporan peluang untuk penambahbaikan (OFI) telah direkodkan untuk ISO 9001:2015 dan lapan laporan OFI bagi ISO/IEC 27001:2013 ISMS. MPS mengambil maklum terhadap segala maklum balas yang diberikan bagi meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan mutu penyampaian perkhidmatan MPS.

MIP PLANNING EXCELLENT AWARD (PEA) 2022

## MPS RANGKUL 2 ANUGERAH PERAK DAN 1 ANUGERAH GANGSA



MPS telah berjaya merangkul 2 anugerah perak dan 1 anugerah gangsa pada *MIP Planning Excellent Award (PEA) 2022* yang berlangsung pada 16 Januari 2023 bertempat di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.

Dua Anugerah Perak yang berjaya dirangkul adalah daripada Kategori *Heritage and Conversation (Policy and Study)* untuk Laporan Rancangan Kawasan Khas Pekan Batu Arang bersama Plan Malaysia Selangor dan Kategori *Placemaking and Public Space (Community LED Initiative)* bagi Projek inovasi lorong belakang rumah bersama pihak Garden 8.

Satu Anugerah Gangsa pula berjaya dirangkul bagi kategori *Placemaking and Public Space (Government initiative – Municipal Council Category)* di bawah projek *Greenwood A New Outlook*.

## PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0 PIALA YB MENTERI KPKT 2022-2023

Sekitar pertandingan Inovasi MALA 2.0 Piala YB Menteri KPKT 2022-2023 anjuran Persatuan Pihak Berkua Tempatan Malaysia (MALA) telah berlangsung selama tiga hari dari 17 hingga 19 Januari 2023 bertempat di Dewan Perdana Keramat Mall.

MPS telah menyertai pertandingan ini dengan membentangkan 2 produk inovasi iaitu Mobile Rostrum yang diketuai oleh Encik Mohammad Faiz bin Omar dari Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta serta produk Folding Garbage Bin (FGB) yang di ketuai oleh Puan Syairah binti Zahidi Bakri dari Jabatan Pelesenan.





## PROGRAM BANK KITAR SEMULA MPS

# Didik Murid Budaya Kitar Semula

**BAGI** menerapkan budaya kitar semula dalam kalangan murid sekolah, MPS telah mengambil inisiatif menganjurkan Program Bank Kitar Semula MPS Tahun 2022. Program ini telah bermula pada 1 Julai sehingga 31 Oktober 2022 dan disertai oleh 15 buah sekolah menengah dan 16 buah sekolah rendah di sekitar Perbandaran Selayang. Sebanyak tiga kategori telah dinilai sepanjang program ini berlangsung iaitu Kutipan Barang Kitar Semula Terbanyak Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, Anugerah Khas Kitar Semula Minyak Masak Terpakai Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah serta Anugerah Skuad Bank Kitar Semula Terbaik Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Majlis Penyampaian Anugerah Bank Kitar Semula MPS Tahun 2022 ini telah diadakan pada 15 Februari 2023 bertempat di Dewan Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Selayang (2) dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS.

Bagi kategori Kutipan Barang Kitar Semula Terbanyak Sekolah Rendah, SK Bandar Baru Selayang 2 telah dinobatkan sebagai juara dengan kutipan sebanyak 3,143 tan dan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000.00. Manakala SK Setia Budi Gombak sebagai naib juara dengan kutipan sebanyak 2,691 tan dan memenangi hadiah wang tunai RM1,500.00 dan SK Rawang di tempat ketiga dengan kutipan

1,594 tan dan menerima hadiah wang tunai RM1,000.00. Kategori Kutipan Barang Kitar Semula Terbanyak Sekolah Menengah pula, SMK Kepong telah dinobatkan sebagai juara dengan kutipan sebanyak 7,086 tan dan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000.00. Manakala SMK Seri Gombak sebagai naib juara dengan kutipan sebanyak 3,415 tan dan memenangi hadiah wang tunai RM1,500.00 dan SMK Ideal Height Selayang di tempat ketiga dengan kutipan 2,309 tan dan menerima hadiah wang tunai RM1,000.00. Seterusnya, SJK (Tamil) Batu Caves dan SMK Taman Desa, Bandar Country Homes Rawang masing-

masing telah dinobatkan sebagai Skuad Bank Kitar Semula Sekolah Terbaik kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Bagi Kategori Anugerah Khas Kitar Semula Minyak Masak Terpakai Terbanyak bagi Sekolah Rendah dimenangi oleh SK Bandar Baru Selayang 2 iaitu sebanyak 568 kilogram dan bagi Sekolah Menengah dimenangi oleh SMK Kepong iaitu sebanyak 630 kilogram. Kesemua sekolah telah menerima hadiah wang tunai RM500.00.



Diharapkan insiatif, pelaksanaan dan usaha para murid mengumpulkan barang kitar semula menjadi galakan kepada semua dan menjadi satu langkah paling berkesan dalam usaha memupuk sikap memelihara dan memulihara alam sekitar di setiap lapisan masyarakat serta menyokong program-program kitar semula yang akan dianjurkan oleh pihak MPS pada masa akan datang. Turut hadir YBrs. Dr. Abdul Aziz bin Ismail, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah, Sektor Pembangunan Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Gombak, YBrs. Puan Dayang Fauziah binti Awang Ismail, Guru Besar SK Bandar Baru Selayang 2, YBrs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Pemangku TYDP MPS, YBrs. Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS serta pengarah jabatan MPS dan wakil-wakil sekolah.



# Anugerah PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022

TAHNIAH diucapkan kepada 86 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan 19 orang pesara MPS tahun 2022. Majlis APC ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor pada 3 Mac 2023 di Templer's Ballroom, Setia Eco Templer, Rawang.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik Kawasan DUN Sungai Tua, barisan Ahli Majlis MPS dan para Pengarah Jabatan MPS.





# Ruqayah PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022

## Senarai Penerima

**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

1. MAZURAH BINTI MOHAMED
2. NORFARIZA BINTI MAT ISA
3. ZAIMIDA BINTI PADALAN
4. AFI ASYRAF BIN ZULKIFLI
5. SUMAIYAH BINTI AB BAKAR
6. MOHD ISHAM BIN ISMAIL

**JABATAN KORPORAT**

1. AHMAD FAUZI BIN ISHAK
2. MOHD AFZAIRIS BIN NASERI
3. ERiska BINTI HAMDAN

**JABATAN BANGUNAN**

1. NOOR HALIZA BINTI IDDERIS
2. HAMIDAH BINTI SHAMSHUDDIN
3. NURUL ATIAH BINTI AMER
4. AZAHAR BIN OMAR

**JABATAN PERANCANG BANDAR**

1. RAFIDAH BINTI SAHLAN
2. SAIFUL AZAM BIN MOHAMAD SANUSI
3. NOR AZLINA BINTI HAMZAH
4. MOHD. SURANI BIN HJ. MOHD SALLEH

**JABATAN LANDSKAP**

1. JURAIDAH BINTI MOHD AMIN
2. NOR AIDA AZZAT BINTI BAHRUDIN
3. MUHAMMAD RAMDAN BIN OSMAN
4. MOHD SYAZWAN BIN RAMLI
5. SHAHRIK BIN ZULKAFLI
6. MOHAMAD KAMAL BIN MANAP

**JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN**

1. NUR ADIBAH AKMAL BINTI ZAWAWI
2. ABDUL AZIZI BIN ASMAWI
3. NUR AMALINA BINTI YUSIN
4. MOHD FAIZ BIN ASHIM
5. NUR AMIRAH BINTI ABDULLAH
6. THINASHVARAN A/L THAMODRAM
7. MOHD NAJIB BIN MOHD SOFIAN @ ABD. KARIM
8. SUPPAYA A/L MARIAPPAN
9. KRISHNASAMY A/L RAJA GOPAL
10. MOHAMAD FIZREE BIN MOHAMAD FUAT
11. MOHD KHUZAINI BIN ABDUL WAHAB

**JABATAN PELESENAN**

1. MUHAMAD ZULHILMI BIN MUHAMAD
2. MUHD KASRI BIN MUHARDDIN
3. MOHD HAFIZI BIN BADRI
4. MUHAMMAD SAIFUL ADLI BIN MD NAZARI
5. ANWAR BIN ALAUDDIN

**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**

1. FAZLIN MARIAM BINTI MUSTAFA
2. NOR ASINAH BINTI SABAAN
3. FARAH ATHIRAH BINTI ROSELAN
4. MOHD ASHRAF BIN SAHARDI

**JABATAN PENGUATKUASA DAN KESELAMATAN**

1. THIVANRAO A/L PRAKASROW
2. MOHD AZHAR BIN MD YUSOF
3. AHMAD FAIZAL BIN JAAFAR
4. ASRI BIN SEMANGOT
5. MOHD AZAARISHAH BIN REDZUAN SHAH
6. MOHD NADZRI BIN OTHMAN
7. ZAIRUL NAJIB BIN MANSOR
8. WAN AZAMIMI BINTI WAN ABDULLAH
9. MOHD. ZAHARI BIN MOHD. ALI
10. MOHAMAD NAZLI BIN SAAT
11. ISHAN BIN ISMAIL
12. SURESH A/L KANASUN

**JABATAN PENBENDAHARAAN**

1. TUAN HAJI AZ'HAR BIN SAMSURI
2. SITI NOROSMILA BINTI MOHAMAD RASIDIBHIB
3. ASLEN BINTI ASRI
4. KHAIRUNNISA BINTI MD YUSOP
5. MUHAMAD ANWAR BIN MOHAMAD NOR
6. MOHD ADHA BIN KASIMIN

**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**

1. AZZAH BINTI HAJI OTHMAN
2. MUHAMMAD ASHRAFF BIN ANWAR

**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

1. NORASWALZIHA BINTI IBRAHIM
2. MOHD NAZIR BIN KHAZALI

**JABATAN PERUNDANGAN**

1. SAODAH BINTI MD. KASIM
2. WAN BADRUL HISHAM BIN WAN ABDULLAH SANI

**JABATAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN**

1. ZAHIDATUL HUSNA BINTI MOHD ROSLAN

**JABATAN KEJURUTERAAN**

1. HAZRIN HAZIZI BIN HUSSAIN SABRI
2. HYRUL NIZAM BIN HAMEDI
3. MOHAMAD KHUBAIB ADI BIN ABU OTHMAN
4. HISYAIFUL BIN SA'ARI
5. MOHD FARHAN BIN HASIMAN
6. MOHAMAD SYAHFYE BIN MOHAMAD
7. MUHAMMAD KHAIRUDIN BIN MOHD NOR
8. MUHAMMAD FAIRUIS BIN ROSLAN
9. MUHAMMAD ASYRAF NAFIQ BIN ABDUL MUIN
10. MOHD NIZAM BIN ABU SAMAH
11. HAZRULNAIM BIN KHALID
12. MOHD HAFIZUL BIN RAMLI
13. VERASINGGAM A/L MANIAM

**JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)**

1. NORFARIZA BINTI ROZALI

**JABATAN PESURUJJAYA BANGUNAN (COB)**

1. NORHASLINDA BINTI LATIF

**PEJABAT YANG DIPERTUA**

1. MOHD SOFEE BIN SAIN

**BAHAGIAN URUS SETIA**

1. ERNI YUSLIZA BINTI ZAINUDDIN

**JABATAN AUDIT DALAM**

1. HAFIZAH BINTI KAMARUDIN

# PICNIC @ LAGONG

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

**PROGRAM** Picnic@Lagong MPS 2023 anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS telah berlangsung meriah pada 25 Februari 2023 di Taman Rimba Bukit Lagong.

Program yang dihadiri seramai 1 500 kakitangan MPS bersama keluarga turut dihadiri barisan Ahli Majlis MPS dan pihak pengurusan MPS bertujuan untuk mengeratkan hubungan

silaturahim. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti aktiviti sukaneka, *soopa doopa* kanak-kanak, *face painting*, pertandingan memancing dan pertandingan *glamping* serta acara cabutan bertuah.

YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bersama keluarga telah berkesempatan hadir dan merasmikan program ini.





## MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN JALAN BAHARU RAINTREE DAN MAJLIS PECAH TANAH PEMBINAAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) SELAYANG

**MAJLIS** Perasmian Pembukaan Jalan Baharu Raintree dan Majlis Pecah Tanah Pembinaan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Selayang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor pada 4 Februari 2023.

Majlis perasmian pembukaan jalan baharu Raintree telah berlangsung di pekarangan jalan baharu Taman Raintree manakala majlis pecah tanah PAWE Selayang telah berlangsung di tapak projek Jalan Laksamana 2, Taman Gombak Permai. Kedua-dua projek ini merupakan inisiatif MPS dalam memberikan kemudahan

kepada para penduduk di samping menambah baik pelan infrastruktur di kawasan MPS.

Hadir sama ialah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak, YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, YBrs. Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak, penyelaras DUN, barisan Ahli Majlis MPS dan para pengarah jabatan MPS.



## DELEGASI TONGYEONG CITY COUNCIL, KOREA SELATAN PELAJARI TADBIR URUS MPS

**DELEGASI** daripada Tongyeong City Council, Korea Selatan telah mengadakan kunjungan ke MPS pada 24 Mac 2023. Delegasi ini diketuai oleh Mrs. Min Ok Kim, Chairmain Tongyeong City Council bersama 17 orang yang terdiri daripada barisan Ahli Majlis dan kakitangan.

Taklimat berkenaan MPS telah disampaikan oleh Encik Ahmad Fauzi bin Ishak, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat. Delegasi telah dibawa melawat ke Kebun Komuniti Garden 8, Taman Perwira Gombak dan pusat pelancongan Gua Batu Caves.



## KOLEJ KOMUNITI SELAYANG DAN MPS ERAT KERJASAMA STRATEGIK

**PENGARAH** Kolej Komuniti Selayang, Dr. Rasmuna binti Hussain bersama barisan pengurusan Kolej Komuniti Selayang telah mengadakan kunjungan hormat ke MPS pada 29 Mac 2023. Rombongan ini disambut oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS.

Lawatan ini diadakan untuk berkongsi dan bertukar pandangan di antara Kolej Komuniti Selayang dan MPS di samping mengeratkan kerjasama strategik pada masa akan datang.

Turut hadir ialah Tuan LAr. Mokhtar Affandi bin Abdul Ghani, Pengarah Jabatan Landskap, Tuan TPr. Affendi bin Samingan, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat dan wakil Jabatan Korporat.



## MPPD PELAJARI SISTEM PERJAWATAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DARIPADA MPS

**BAGI** melihat pelaksanaan sistem perjawatan dan pengurusan sumber manusia dan penggunaan sistem dan aplikasi dalam talian yang dibangunkan di MPS, Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) telah mengadakan lawatan ke MPS pada 1 Februari 2023. Lawatan ini diketuai oleh Tuan Mohd Zamri bin Mohd Esa, YDP MPPD bersama-sama 36 kakitangan MPPD.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Puan Mazurah binti Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan dan Puan Zuriati binti Karia, Timbalan Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat. Turut hadir ialah wakil dari Jabatan Korporat, Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Penguasaan dan Keselamatan serta Jabatan Perundangan.



## 86 WARGA MPS SERTAI KEMENGERIAN DERMA DARAH

ANULAE cawangan MPS dengan kerjasama Pusat Darah Negara telah menganjurkan Kempen Derma Darah pada 16 Februari 2023 di Lobi Menara MPS.

YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS turut berkesempatan meluangkan masa melawat program derma darah ini. Seramai 86 orang telah menderma darah sebagai tanda keprihatinan warga MPS terhadap masyarakat.



## KONVOI MOTOSIKAL SERAH SUMBANGAN RAMADAN

PASUKAN bermotor daripada Superbike Association Malaysia Kuala Lumpur (SAMKL) yang diketuai oleh presidennya YBhg. Datuk Azman Maat bersama penunggang motosikal daripada pelbagai jabatan MPS telah mengambil bahagian dalam konvoi bermotosikal untuk penyerahan sumbangan kepada Rumah Kasih Sayang Baitul Mahabbah, Bandar Tasik Puteri Rawang.

Acara pelepasan konvoi Program Kembara Kasih Ramadan MPS 2023 itu telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS pada 10 April 2023 di hadapan Lobi Menara MPS. Turut menyertai konvoi ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS.



## JUALAN KASIH RAMADAN

JUALAN Kasih Ramadan anjuran ANULAE cawangan MPS dengan kerjasama Kesatuan Kakitangan FAMA (KEKAF) telah diadakan pada 17 April 2023 di Pekarangan Menara MPS. Jualan ini bertujuan mempromosi hasil pertanian tempatan yang berkualiti.

YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bersama pihak pengurusan MPS turut meluangkan masa meninjau tapak jualan tersebut.



## PENJAJA WARGA ASING DI JALAN BESAR SELAYANG BARU DIBANTERAS

**OPERASI** ke atas penjaja warga asing telah dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS pada 3 Januari 2023 di sekitar kawasan Jalan Besar Selayang Baru.

Dalam operasi ini sebanyak 45 bakul sayur-sayuran, empat bakul kelapa dan beberapa alatan seperti meja, penimbang dan payung milik penjaja warga asing telah disita.

Tindakan diambil di bawah Seksyen UUK 3 Undang-Undang Kecil Penjaja (MPS) 2007 atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah.



## MPS SITA 2 BUAH LORI

**SEBANYAK** dua buah lori berat lima tan ke atas telah disita dan empat buah lori telah dikompaun dalam satu Operasi Sitaan Kenderaan Berat oleh Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS pada 8 Mac 2023 di Taman Selayang Mutiara. Selain itu turut disita dua buah lori berat lima tan ke atas di Taman Garing Gemilang.

Tindakan sitaan diambil di bawah Undang-Undang Kecil Taman (MPS) 2005, UUK7(1) kenderaan melebihi dua tan selain kepunyaan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun tidak boleh masuk ke mana-mana taman tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

Operasi ini diketuai oleh Tuan Ahmad Faizal bin Badiuzaman, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan bersama-sama 20 anggota penguat kuasa. Hadir sama dalam operasi ini Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS.



## TAPAK BAZAR RAMADAN DIPERIKSA

**MPS** dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Gombak telah mengadakan Operasi Pemeriksaan Tapak Bazar Ramadan pada 27 Mac 2023 di Selayang Utama. Pemeriksaan dilakukan untuk melihat sama ada pengendali makanan mengikuti standart yang ditetapkan ataupun tidak. Sebanyak 100 gerai diperiksa dan 15 notis telah dikeluarkan kepada peniaga yang gagal mendapatkan suntikan typhoid dan tidak mempunyai sijil kursus pengendalian makanan seperti yang disyaratkan.



## RM5 RIBU DIMENANGI PEMENANG CABUTAN BERTUAH MYMPS

TAHNIAH diucapkan kepada 11 pemenang cabutan bertuan MyMPS sempena sambutan 25 tahun MPS yang telah diadakan pada 31 Mac 2023 di Lobi Menara MPS. Hadiah wang tunai RM1 000, RM1 500 dan hadiah utama bernilai RM5 000 telah disampaikan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS.

Turut hadir pada majlis ini ialah YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, barisan Ahli Majlis MPS dan para Pengarah Jabatan MPS.



## MISI BANTUAN KITA SELANGOR PENYAYANG FASA KEDUA KE JOHOR

MPS telah menyertai inisiatif Kerajaan Negeri Selangor meneruskan Misi Bantuan Kita Selangor Penyayang Fasa Kedua ke Johor untuk menghantar sumbangan makanan dan minuman serta bantuan pembersihan diketuai oleh ASP Thivanrao a/l Prakasrow dan dibantu 17 orang anggota dan 5 buah jentera. Sesi pelepasan telah disempurnakan oleh Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat pada 8 Mac 2023 di Lobi Menara MPS.



## MPS LANCAR KEMPEN HARGAI MAKANAN, ELAK PEMBAZIRAN!

BERIKUTAN peningkatan peratusan sisa makanan ketika bulan Ramadan, MPS telah melancarkan Kempen Hargai Makanan, Elak Pembaziran! sebagai langkah kesedaran kepada masyarakat supaya mengurangkan sisa makanan pada bulan Ramadan.

Kempen ini telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS di Bazar Ramadan Selayang Utama pada 4 April 2023. Pada pelancaran kempen ini, Dato' YDP telah menyerahkan kain rentang sebagai simbolik pelancaran kempen kepada pengelola Bazar Ramadan.



## PERASMIAN PAPAN TANDA SELAYANGKU SAYANG

**ACARA** perasmian papan tanda Selayangku Sayang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS pada 4 April 2023. Inisiatif papan tanda ini adalah kerjasama antara JKP Zon 12 dan pihak swasta melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebagai simbolik penandaan kawasan naungan JKP Zon dan juga meningkatkan kecerian kawasan. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh pihak pengurusan tertinggi MPS bersama Tuan U Chin Ong, Ahli Majlis Zon 12.



## PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN PENJAJA MIKRO SELANGOR

**PROGRAM** Latihan Pembangunan Penjaja Mikro Selangor anjuran MPS dan Platform Selangor (PLATS) telah diadakan pada 7 Mac 2023 di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak. Program yang dianjurkan untuk Pengelola Bazar Ramadan 2023 dan Penyewa Gerai MPS ini bagi mendedahkan peserta dengan asas digitalisasi perniagaan, adaptasi transaksi pembayaran tanpa tunai dan pengurusan media sosial. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS turut hadir menyampaikan sijil penyertaan dan hadiah pertandingan Jom Digitalisasi & Menangi RM100 kepada para peserta.



## PROGRAM GIGI SAYA CANTIK DAN SIHAT

MPS dengan kerjasama Klinik Pergigian Selayang Baru telah menganjurkan program Gigi Saya Cantik Dan Sihat pada 16 Mac 2023 di taska MPS. Program yang melibatkan seramai 16 orang kanak-kanak daripada taska MPS yang berumur antara 1 hingga 4 tahun ini bertujuan untuk memberi pendedahan dalam penjagaan kesihatan gigi dan mulut serta cara-cara menggosok gigi dengan betul.



## SELAMAT BERTANDING BUAT ATLET MPS DI SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (MALA)

MPS telah meraikan atlet yang akan bertanding pada Sukan Pihak Berkusa Tempatan (MALA) 2022 yang berlangsung bermula 26 hingga 28 Januari 2023 di Johor Bahru.

YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS telah menyampaikan amanat kepada atlet MPS yang bertanding dalam acara badminton,



### TAYANGAN SKRIN BESAR PERLAWANAN SEPARUH AKHIR KEDUA KEJOHANAN AFF MITSUBISHI ELECTRIC 2022

BAGI memeriahkan lagi perlawanan separuh akhir kedua Kejohanan AFF Mitsubishi Electric Cup 2022 antara Malaysia menentang Thailand pada 10 Januari 2023, MPS telah menyediakan skrin besar bagi orang ramai menyaksikan perlawanan tersebut di Dataran Sungai Tua.



sepak takraw, golf, karom dan futsal.

Acara pelepasan kenderaan yang membawa kontinjen ke Johor Bahru telah disempurnakan oleh Dato' YDP MPS bersama Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS.



### PASUKAN GOLF MPS BOLOT JOHAN DAN NAIB JOHAN MALA 2022

**PASUKAN** Golf MPS berjaya menjadi johan keseluruhan berpasukan pada Kejohanan Sukan Pihak Berkusa Tempatan (MALA) 2022. Kejayaan ini hasil kemenangan Encik Hafizan bin Khamis dan Encik Hafiz bin Jaafar yang merangkul johan dan naib johan golf kategori individu.

